



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Office of Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8,

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Fax: 03-8889 4548

Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.2 (14)
29 Julai 2010

**Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri**

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 8 TAHUN 2010
GARIS PANDUAN MENCEGAH DAN MENANGANI PERBUATAN BULI
DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH**

Perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah merupakan perbuatan yang perlu ditangani secara serius oleh pihak pengurusan sekolah. Buli bererti orang yang menggunakan kekuatan atau kekuasaannya untuk menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Perbuatan membuli boleh berlaku sama ada secara fizikal atau pun menggunakan bahasa yang boleh memberi kesan menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Dalam hal ini, seseorang murid yang kena buli akan mengalami kesan emosi yang mendalam seperti menjadi murung, sentiasa dalam keadaan ketakutan, hilang keyakinan diri serta boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang teruk malah boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

2. Semua Pengarah Pelajaran Negeri, Pegawai Pelajaran Daerah serta semua Pengetua dan Guru Besar diingatkan supaya mengambil tindakan yang tegas serta tidak boleh berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah. Larangan terhadap perbuatan buli di sekolah hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya kerana perbuatan tersebut boleh memberikan impak yang negatif terhadap pengurusan sebuah sekolah sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

3. Sebagai langkah pencegahan terhadap perbuatan buli, semua pengurusan sekolah perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif serta berkesan agar kejadian seumpamanya tidak berlaku. Di antara langkah yang perlu dilaksanakan segera oleh pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut.

- 3.1 Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama (sekiranya sekolah tersebut ada asrama). Semua murid perlu dimaklumkan serta

- diberi penjelasan tentang fungsi dan peranan saluran aduan tersebut;
- 3.2 Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan **SEGERA** terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan lain. Dengan cara ini, fungsi Jawatankuasa Disiplin Sekolah akan kelihatan ‘visible’ dan dapat dirasakan kewujudannya oleh seluruh warga sekolah;
 - 3.3 Pihak Berkuasa Disiplin di sebuah sekolah perlu menyiasat, mengkaji dan meneliti sekiranya wujud perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti tradisi yang telah diwujudkan oleh murid atau kumpulan-kumpulan murid yang mana perkara atau aktiviti tersebut adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha kita memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah, maka perkara atau aktiviti tersebut hendaklah diberhentikan dengan serta merta;
 - 3.4 Pihak Berkuasa Disiplin di sekolah termasuk guru-guru Disiplin, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Guru Warden di asrama serta guru-guru lain perlu mencari satu kaedah yang berkesan bagi **mengesahkan kewujudan** gejala buli atau salah laku yang lain dan tindakan awal perlu diambil sebelum gejala tersebut berlaku;
 - 3.5 Sekiranya sekolah atau asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya. Apa-apa bentuk perlakuan yang bersifat membuli atau seumpamanya yang boleh mendatangkan kecederaan, penderitaan mental dan emosi kepada murid adalah **DILARANG SAMA SEKALI**;
 - 3.6 Bagi sekolah-sekolah berasrama, kewujudan guru warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa. Peraturan asrama serta aktiviti harlannya perlu jelas kepada semua penghuninya. Pemeriksaan ke bilik-bilik penginapan murid serta bilik-bilik lain perlu dilakukan secara kerap dan berjadual. Pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan sekiranya dirasakan ada keperluan oleh pihak sekolah atau asrama;
 - 3.7 Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG atau pihak-pihak lain yang difikirkan berkaitan;
 - 3.8 Semua guru, kakitangan sekolah serta murid perlu dimaklumkan tentang penegasan penguatkuasaan larangan ini di peringkat sekolah masing-masing; dan

- 3.9 Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah memaklumkan dan memberi kefahaman kepada ibu bapa perkara berkaitan ketegasan larangan ini menerusi mesyuarat PIBG dan mesyuarat permuafakatan peringkat sekolah.
4. Semua Pengetua dan Guru Besar boleh mengambil tindakan ke atas murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah, dan atau di asrama dengan mengenakan mana-mana satu hukuman seperti berikut;
- 4.1 Diberi Amaran Keras (murid dan ibu bapa perlu menandatangani Surat Aku Janji tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut);
- atau**
- 4.2 Dilarang menggunakan kemudahan di sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah. Kemudahan, program atau aktiviti yang boleh dilarang sebagai hukuman termasuklah mana-mana salah satu yang berikut;
- i. tidak dibenar menggunakan kemudahan di perpustakaan, di pusat sumber atau apa-apa kemudahan lain untuk suatu tempoh tertentu;
- ii. tidak dibenar keluar daripada asrama pada mana-mana satu cuti hujung minggu atau cuti am;
- iii. tidak dibenar mengikuti program sekolah seperti perkhemahan dan lawatan untuk suatu tempoh tertentu; dan
- iv. tidak dibenar menggunakan kemudahan sukan atau mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau pertandingan sukan untuk suatu tempoh tertentu;
- atau**
- 4.3 Dikenakan Hukuman Rotan tidak melebihi 3 kali;
- atau**
- 4.4 Gantung Persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari);
- atau**
- 4.5 Dikenakan Hukuman Buang Sekolah (bagi kes-kes serius yang melibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa).

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin,
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong,
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia